



**Saya Sayang Nabi Kisah
Hidup Rasulullah SAW
Teladan Sepanjang Zaman**

- © **Penulis:** Tidak dinyatakan
- © **Penerbit:** PTS Pop Sdn Bhd
- © **Pengulas:** Azran Jaffar
- © **Harga:** Semenanjung (RM29.90)
Sabah Sarawak (RM32.90)

Ilustrasi menarik pikat anak hayati kisah Rasulullah

Sebagai insan yang dipilih memberi petunjuk kepada umat manusia ke jalan Allah, kisah berkaitan Nabi Muhammad SAW banyak dibukukan dengan pelbagai pendekatan digunakan dalam menyampaikan riwayat berkenaan Insan Mulia ini.

Sesungguhnya, kehidupan Rasulullah yang menjadi penyuluh umat ke jalan kebenaran seharusnya dihayati, terutama dalam kalangan kanak-kanak bagi mengenalkan mereka terhadap perjuangan, dakwah dan ajaran yang dibawa Baginda.

Di sinilah buku *Saya Sayang Nabi Kisah Hidup Rasulullah SAW Teladan Sepanjang Zaman* memainkan peranannya. Dengan penyampaian yang dikhususkan kepada golongan kanak-kanak ia disertai dengan ilustrasi

menarik bagi memberikan kenikmatan kepada mereka dalam meneladani apa yang cuba disampaikan buku ini.

Banyak pengajaran

Dibahagikan kepada 22 bab ia mengisahkan sejarah bermula dari kelahiran Rasulullah sehinggalah kepada kewafatan Baginda. Banyak pengajaran yang boleh diperoleh kanak-kanak yang membaca buku ini daripada pelbagai kisah yang berlaku di sekitar kehidupan Rasulullah.

Ia juga seolah pengenalan kepada mereka siapakah Rasulullah dan untuk mereka lebih mengenali manusia yang menjadi kekasih Allah ini selain memberi pengetahuan mengenai budaya masyarakat Arab.

Disemak oleh Dr Mohd Sukki Othman,

pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia, ia bagi memastikan penceritaan di dalam buku ini sahih. Di akhir setiap bab diisi dengan soalan Tahukah Kawan-Kawan sebagai senarai semak dan pengetahuan tambahan cepat untuk pembaca menyimpannya di dalam kepala dan ia sesuai untuk kanak-kanak yang mudah menangkap maklumat ringkas sebegini untuk mereka ingati.

Dengan bahasa mudah yang digunakan dalam penyampaiannya, sesuai untuk bacaan kanak-kanak, buku ini seharusnya menjadi sesuatu yang harus berada di dalam simpanan golongan ini dalam menyintai Rasulullah selain menjadi panduan untuk kehidupan mereka.

